

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PENUNGGANG MOTOSIKAL

BAHAWASANYA Pihak Diinsurankan, menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada Liberty General Insurance Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya

MAKA POLISI INI MENYAKSIKAN: Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam polisi ini atau diendorskan atau selain dinyatakan di sini kemudiannya, Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsurankan secara dan setakat yang disediakan. **SYARIKAT** bersetuju dengan Pihak Diinsurankan jika dalam tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Jadual atau dalam mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Pihak Diinsurankan telah membayar dan Syarikat telah bersetuju menerima premium yang dikehendaki bagi pembaharuan polisi ini, Pihak Diinsurankan mengalami sebarang kecederaan anggota badan disebabkan oleh **KEMALANGAN LUARAN YANG GANAS DAN NYATA YANG TERJADI SECARA TUNGGAL DAN LANGSUNG TANPA KEJADIAN LAIN** menyebabkan kematian atau hilang upaya kekal kepada Pihak Diinsurankan, Syarikat akan membayar Pihak Diinsurankan atau kepada wakil sah Pihak Diinsurankan sejumlah pampasan sepertimana dinyatakan di dalam Jadual dan mengikut Jadual Faedah yang disediakan dalam Polisi ini.

DENGAN SYARAT-SYARAT BERIKUT:

1. Jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tidak akan dibayar:
 - a) di bawah Faedah A dan B kecuali kematian atau hilang upaya kekal berlaku dalam tempoh dua belas (12) kalendar bulan selepas kejadian kecederaan kepada anggota badan.
 - b) sehingga keseluruhan jumlah pampasan telah dipastikan dan dipersetujui.
2. Agregat keseluruhan kadar peratus yang boleh dibayar berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan tidak akan melebihi 100%. Jika Pihak Diinsurankan diberi hak untuk membuat tuntutan di bawah Faedah B berkenaan dengan sebarang satu kemalangan, agregat tuntutan yang dibayar untuk Faedah B tidak akan melebihi 100% dari kapital Jumlah Diinsurankan. Dalam kejadian di mana jumlah keseluruhan 100% telah dibayar, semua insurans yang di bawah ini akan tamat serta-merta.
3. Polisi ini melindungi Pihak Diinsurankan dua puluh empat (24) jam sehari seluruh dunia melainkan ianya disahkan atau dipinda oleh Syarikat.

JADUAL FAEDAH

Kecederaan Anggota Badan disebabkan oleh kemalangan luaran yang ganas dan nyata yang terjadi secara tunggal dan langsung tanpa kejadian lain mengakibatkan:

Perkara	Faedah-faedah	Pampasan (% dari Jumlah Diinsurankan)
A	Kematian Akibat Kemalangan	100
B	Hilang Upaya Kekal	
	1. Hilang Upaya Kekal Sepenuhnya dari melibatkan diri dalam sebarang pekerjaan	100
	2. Lumpuh Keseluruhan atau Terlantar Kekal	100
	3. Kehilangan satu atau kedua belah tangan	100
	4. Kehilangan satu atau kedua belah kaki	100
	5. Kehilangan satu atau kedua belah mata	100

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan.

Hilang Upaya Kekal Sepenuhnya bermaksud kehilangan upaya secara mutlak daripada melibatkan diri atau memberi perhatian kepada profesion atau sebarang bentuk pekerjaan.

Kehilangan mata bermaksud kehilangan penglihatan secara keseluruhan menyebabkan Pihak Diinsurankan buta sepenuhnya dan tiada pembedahan, pemulihan atau rawatan lain.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 **Hotline:** 1 300 88 8990 **Laman Web:** www.libertyinsurance.com.my

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PENUNGGANG MOTOSIKAL

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya yang diakibatkan oleh atau yang timbul dari:

1. Membunuh diri (sama ada perbuatan jenayah atau tidak) atau sebarang percubaan membunuh diri atau kecederaan yang disengajakan, sengaja mendedahkan diri kepada keadaan bahaya, kehamilan atau kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada Pihak Diinsuranskan semasa menunggang, turun atau menaiki motosikal, penyakit kelamin atau kurang waras;
2. Sewaktu melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang;
3. Jika Pihak Diinsuranskan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Diinsuranskan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik.

Pihak Diinsuranskan akan dianggap tidak dapat mengawal kenderaan dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing Pihak Diinsuranskan lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.

4. Pihak Diinsuranskan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu/menunggang kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Pihak Diinsuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
5. Semasa Pihak Diinsuranskan sedang dalam penerbangan atau mengembara di dalam pesawat udara selain dari sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan.
6. Peluncuran air, aktiviti di dalam air yang melibatkan kegunaan radas pernafasan dalam air, memburu, mendaki gunung yang memerlukan tali atau pemandu, payung terjun, penerjunan bebas, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, bergusti, bertinju, sebarang perlumbaan selain dari yang menggunakan kaki.
7. Sebarang ketidakupayaan atau penyakit yang sedia ada, segala serangan sawan, penyakit atau kesakitan pelbagai jenis.
8. Berpunca secara langsung atau tidak langsung atau akibat yang timbul oleh atau dari peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pemusuhan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, atau rampasan kuasa tentera.
9. Berpunca secara langsung atau tidak langsung atau akibat yang timbul oleh atau daripada pancaran pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
10. Untuk kerugian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.

11. Insurans ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang tindakan keganasan. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh sebarang orang atau kumpulan, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seupamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

12. Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhadap

- a) Tanpa mengambil kira peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
- b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - iii. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
 - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
- c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
- d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
- e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PENUNGGANG MOTOSIKAL

13. Klausula Pengecualian Pandemi
a) Polisi ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
b) Pandemi menurut perenggan a) merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
c) Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan.
Tertakluk juga kepada terma dan syarat Polisi ini.
10. Syarikat boleh membatalkan atau menamatkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir yang diketahui dan dalam keadaan sedemikian akan memulangkan kepada Pihak Diinsuranskan premium yang telah dibayar ditolak bahagian pro-rata daripadanya bagi tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan atas notis selama tujuh (7) hari kepada Syarikat dan dalam keadaan ini Pihak Diinsuranskan akan berhak menerima pemulangan premium ditolak premium pada kadar jangka pendek bagi tempoh Polisi tersebut telah berkuatkuasa.
11. Syarikat, melainkan sebaliknya diberi sokongan yang khusus dalam Polisi ini, layak menganggap Pihak Diinsuranskan sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf mana-mana tuntutan yang saksama atau tuntutan lain kepada faedah dalam Polisi dan penerimaan oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil sah Pihak Diinsuranskan semata-mata akan menjadi discaj yang efektif.

SYARAT- SYARAT

1. Semua sijil, resit akaun, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan atas kos Pihak Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang telah ditetapkan oleh Syarikat.
2. Apabila berlakunya sebarang kemalangan di mana pampasan akan dibayar mengikut polisi ini, Pihak Diinsuranskan seharusnya segera menggunakan perkhidmatan daripada seorang pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal perubatan tersebut.
3. Pihak Diinsuranskan pada setiap masa yang munasabah hendaklah melaporkan pemeriksaan perubatan bagi pihak Syarikat pada perbelanjaannya sendiri.
4. Jika berlaku kejadian kematian ke atas Pihak Diinsuranskan, Syarikat adalah berhak menguruskan pemeriksaan bedah siasat dengan perbelanjaan Syarikat.
5. Tiada sesiapa pemegang serah hak yang boleh menuntut sebarang pampasan dalam Polisi ini kecuali bayaran berkaitan kematian. Apabila penerima harta telah dinamakan dalam Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan, tetapi Syarikat tidak terikat untuk membuat sebarang pampasan yang perlu dibayar dalam Polisi ini kecuali penerima harta.
6. Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan bersama di antara Pihak Diinsuranskan dan Syarikat, tetapi ia akan tertakluk kepada penyemakan semula pada akhir setiap tempoh insurans.
7. Umur bagi Pihak Diinsuranskan tidak boleh kurang daripada enam belas (16) tahun dan tidak lebih daripada enam puluh lima (65) tahun.
8. Pihak Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.
9. Semua notis yang diberi oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat hendaklah secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat dan tiada pertukaran terhadap terma Polisi ini atau mana-mana endorsemen di atasnya akan diputuskan sebagai sah kecuali jika yang sama ditandatangani oleh wakil Syarikat yang diiktiraf.
10. Syarikat boleh membatalkan atau menamatkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamatnya yang terakhir yang diketahui dan dalam keadaan sedemikian akan memulangkan kepada Pihak Diinsuranskan premium yang telah dibayar ditolak bahagian pro-rata daripadanya bagi tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Diinsuranskan atas notis selama tujuh (7) hari kepada Syarikat dan dalam keadaan ini Pihak Diinsuranskan akan berhak menerima pemulangan premium ditolak premium pada kadar jangka pendek bagi tempoh Polisi tersebut telah berkuatkuasa.
11. Syarikat, melainkan sebaliknya diberi sokongan yang khusus dalam Polisi ini, layak menganggap Pihak Diinsuranskan sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf mana-mana tuntutan yang saksama atau tuntutan lain kepada faedah dalam Polisi dan penerimaan oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil sah Pihak Diinsuranskan semata-mata akan menjadi discaj yang efektif.
12. Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak Diinsuranskan, yang mana Pihak Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan / atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan tanpa niat untuk menipu Syarikat.
13. Sebaik sahaja berlakunya sebarang kemalangan yang berkemungkinan akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis dalam masa empat belas (14) hari selepas kejadian kemalangan tersebut kepada Syarikat dengan keterangan penuh mengenai kemalangan dan kecederaan.
14. Kematian Pihak Diinsuranskan hendaklah disahkan dengan Sijil Kematian Rasmi jika berlaku atau kehilangan akibat kemalangan atau kehilangan kapal, atau pesawat udara, kematian hendaklah dibuktikan oleh Mahkamah.
15. Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.
16. Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelagah atau sekiranya mereka tidak boleh bersetuju dengan satu Penimbang Tara atas keputusan dua Penimbang Tara yang mana seorang akan dilantik oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas perlu berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik oleh Penimbang Tara sebelum melaksanakan rujukan. Pengadil akan duduk bersama-sama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat tersebut dan Pampasan merupakan syarat dahulu kepada sebarang hak tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti terhadap Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PENUNGGANG MOTOSIKAL

dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian dirujuk kepada Penimbang Tara bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperoleh mengikut Polisi ini.

17. Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai atau termasuk:
 - a. pampasan untuk kerugian bagi perundingan yang bukan ditafsirkan atau ditentukan daripada Mahkamah yang berkuatkuasa mengikut undang-undang Malaysia.
 - b. kos dan perbelanjaan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Diinsuranskan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia.
18. Klausula Had Sekatan Dan Pengecualian
Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

NOTIS PENTING

- Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca **Polisi** ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan **Polisi** untuk membuat pembetulan sewajarnya.
- Pihak Diinsuranskan** yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Syarikat**, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau melayari BNMLINK, Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - Unit Pengendalian Aduan
Liberty General Insurance Berhad**
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan,
Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights, 3,
Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603-2268 3333 atau
1 300 88 8990
Emel : www.libertyinsurance.com.my
Laman Web : customer@libertyinsurance.com.my
 - Perkhidmatan Ombudsman
Pasaran Kewangan (FMOS)**
(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman
Perkhidmatan Kewangan)
No. Syarikat : 200401025885
Talian Am : +603 2272 2811
Alamat : Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Laman Web : www.fmos.org.my
 - BNMLINK
Bank Negara Malaysia**
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
e-Link : bnm.gov.my/BNMLINK
Laman Web : www.bnm.gov.my
- Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).